

CABARAN INISATIF PENGELUARAN HAKMILIK BAGI PROGRAM
PENEMPATAN RAKYAT TERMISKIN

MUHAMMAD FAIZAL SHAH BIN SAFIAN SURI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2019

DEDIKASI

Sekalung budi buat:

Isteri tercinta, mak, abang-abang dan kakak-kakak

Terima kasih atas segala doa dan dorongan

Serta

Keluarga tersayang

Dan Rakan-rakan seperjuangan;

Kembara ilmu selaut cahaya,

Milik Tuhan yang Maha Kaya

Ilmu itu pelita sakti

Ia kekal dibawa mati

Jangan dihirau katanya orang

Misi ilmu diburu matlamat dipegang

Ilmu dicari niat kerana Tuhan

Tujuh lautan tidak menjadi halangan

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana berkat limpah kurnia dan dengan izinNya, telah memberi kesihatan yang baik, kesabaran dan semangat untuk saya menyempurnakan tesis ini. Sesungguhnya saya terhutang budi kepada penyelia saya Dr Abdul Halim Bin Hamzah yang telah membimbing saya dengan penuh dedikasi, ketekunan dan kesabaran tanpa mengira tempat dan waktu baik secara bersemuka maupun secara online disepanjang projek ini dibuat.

Ribuan terima kasih juga kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana memberi peluang pembelajaran dan membiayai pengajian saya serta kepada Bahagian Pendaftaran dan Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput, Penghulu Mukim Pulau Kamiri dan Ketua Kampung Bekut yang telah memberi sokongan dan kerjasama yang amat tinggi sehingga kajian dapat dijalankan dengan jayanya.

Kepada Isteri yang dikasihi terima kasih di atas sokongan dan dokongan yang diberikan. Yang sentiasa memahami di atas kesibukan bebanan tugas ini dan waktu pembelajaran. Berkat doa isteri dapat saya siapkan tesis ini hingga akhir. Syukur kehadiran Allah s.w.t.

Sekalung penghargaan buat semua pensyarah di Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia. Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan perjuangan Program MSc LAD Pesisir Ipoh 2017-2019 yang telah memberi sokongan dan bantuan kepada saya bagi menyiapkan tesis ini. Semoga Allah memberkati mereka semua.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengeluaran Hakmilik PPRT dan mengenalpasti faktor-faktor penjualan hakmilik di kalangan peserta PPRT dengan menjual tanah yang telah dianugerahkan. Projek Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) adalah satu program yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) untuk membina rumah penduduk Malaysia yang daif di kawasan-kawasan pendalaman. Program ini menyediakan bantuan dari segi kewangan dan pengurusan bagi membangunkan kawasan-kawasan penempatan kumpulan sasar samaada secara in-situ atau penempatan baru. Projek ini dijalankan adalah untuk membantu meningkatkan pendapatan golongan tersebut, menyediakan keperluan kemudahan sosial seperti dewan orang ramai, surau dan sebagainya untuk kegunaan mereka. Di samping itu juga, projek ini juga dapat membantu untuk menyediakan infrastruktur dan utiliti asas seperti penyambungan bekalan elektrik dan air. Lokasi kajian dipilih adalah di Kampung PPRT Dato Sagor. Kawasan ini telah dipilih kerana satu-satunya penempatan berkelompok secara PPRT yang dikeluarkan hakmilik. Ianya bermula dengan laporan akhbar berhubung tuntutan tambahan lot tanah bagi peserta PPRT Dato Sagor. Susulan itu, semakan telah dibuat di Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput bagi mengetahui status pembermilikan tanah di kawasan ini. Dalam kajian ini, data-data primer diperoleh daripada temu bual secara bersemuka dengan Pentadbiran Tanah Sungai Siput, manakala data sekunder dikumpul daripada laporan-laporan kerajaan. Data-data yang telah dianalisis secara kualitatif dipersembahkan dalam bentuk huraian dan penerangan. Beberapa cadangan dibuat seperti mengetatkan syarat-syarat kelulusan bagi lot-lot tanah yang belum dikeluarkan hakmilik dan mendaftarkan kaveat pendaftar di dalam hakmilik supaya proses urusan tidak dapat dilakukan tanpa kebenaran pentadbir tanah. Akhirnya diharapkan kajian ini dapat membantu pihak-pihak berkepentingan di dalam menguruskan penduduk Kampung PPRT Dato Sagor menjadi lebih membangun dan menjamin kebajikan golongan sasar.

ABSTRACT

This study aims to assess the implementation of the issuance of the PPRT Title and the breach of contract after the issuance of the title among the hardcore poor participants by selling the land that had been awarded to them. Housing Project (PPRT) is a program that is contained in the Seventh Malaysia Plan (1996-2000) to build the dilapidated home of the Malaysian population in rural areas. This program provides financial assistance and management for the development of settlement areas to the targeted groups either is-situ or new placements. This project aims to increase the income of the targeted group, provides the supply needs of social facilities such as community halls, surau and others for their use. In addition, this project will also help to provide the infrastructure and basic utilities such as electricity and water supply connection. The location chosen is in the village of PPRT Dato Sagor. This area was chosen because this is the only placement group for PPRT that has the released titles. It started with a report on additional demands lots for the Dato Sagor hardcore poor participants. Subsequently, revisions have been made in Sungai Siput District and Land Office to find out the status of the alienation land in this area. In this study, primary data obtained from interviews face to face with the Sungai Siput Land Administration staff while secondary data collected from government reports. The data were analyzed qualitatively presented in the description and explanation. Some suggestions were made as to tighten the conditions of approval for land lots unreleased titles registrar and register a caveat in the title so that the transaction can't be done without the permission of the land administrator. Hopefully this research will help stakeholders in managing the hardcore poor in Kampung Dato Sagor become more developed and ensure the welfare of the target group being look after.

ISI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	PENGENALAN	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Matlamat Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
	1.6.1 PDT	7
	1.6.2 Kementerian Pembangunan Luar Bandar	8
	1.6.3 Pihak Berkuasa Negeri	8
1.7	Susunatur Bab	9
	1.7.1 Bab Satu – Pengenalan	9
	1.7.2 Bab Dua – Kajian Literatur	9
	1.7.3 Bab Tiga – Metodologi Kajian	10
	1.7.4 Bab Empat – Kajian Kes	10
	1.7.5 Bab Lima	10
	1.7.6 Bab Enam	11

BAB 2	KAJIAN LITERATUR	13
2.1	Pendahuluan	13
2.2	Definisi Miskin dan Teori Kemiskinan	13
2.3	Punca-Punca Kemiskinan di Malaysia	16
2.4	Dasar Kerajaan Berkaitan Pembasmian Kemiskinan	18
2.5	Program-Program Penempatan Rakyat Termiskin di Bawah KPLB	19
2.5.1	Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT)	21
2.5.2	Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS)	22
2.5.3	Projek Agropolitan	25
2.5.4	Program Kemajuan Kawasan (PPK)	27
2.5.5	Bilangan Keseluruhan Projek SPKR di Atas Tanah Kerajaan Yang Melebihi 10 tahun	29
2.5.6	Garis Panduan Terkini Program Pemajuan Kawasan	29
2.5.7	Evolusi Program SPKR Di KPLB	36
2.6	Jawatankuasa Mesyuarat ‘Focus Group’ Daerah Kuala Kangsar	37
2.7	Dasar Pemberimilikan Tanah di Malaysia	39
2.8	Dasar Pihak Berkuasa Negeri Perak dalam Pemberimilikan Tanah Untuk PPRT Dato Sagor	40
2.9	Jawatankuasa Pemilihan Tanah Daerah Kuala Kangsar	42
2.10	Polisi Tanah bagi Membasmi Kemiskinan dan Peningkatan Sosio Eknomi dari Perspektif Bank Dunia	43
2.11	Rumusan	46
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	47
3.1	Pendahuluan	47
3.2	Pendekatan Kajian	48
3.3	Peringkat-Peringkat Utama Kajian	48
3.3.1	Peringkat Kajian Awalan	48
3.3.2	Peringkat Kajian Literatur	49

3.3.3	Peringkat Pengumpulan Data	49
3.3.3.1	Data Primer	49
3.3.3.2	Data sekunder	51
3.3.3.3	Maklumat Responden	51
3.3.4	Peringkat Analisis Data	53
3.3.5	Peringkat Analisis Kajian	54
3.3.6	Peringkat Kesimpulan dan Cadangan	55
3.4	Rumusan	56
BAB 4	KAJIAN KES	57
4.1	Pendahuluan	57
4.2	Latarbelakang Daerah Kuala Kangsar	58
4.2.1	Data Asas Sungai Siput	59
4.2.2	Latarbelakang PPRT Dato Sagor	61
4.2.2.1	Sejarah Kampung	61
4.2.2.2	Pentadbiran Kampung PPRT Dato Sagor	62
4.2.2.3	Bilangan Penduduk	62
4.2.2.4	Bekalan Air dan Elektrik	63
4.2.2.5	Pelan Susunatur Rumah	63
4.2.2.6	Maklumat Tanah	68
4.2.2.7	Maklumat Khusus Projek PPRT Dato Sagor	68
4.3	Program yang Dilaksanakan	69
4.4	Halangan atau Cabaran Semasa dalam Pelaksanaan Program	71
4.5	Senarai Nama Peserta PPRT yang telah dikeluarkan Hakmilik	71
4.6	Rumusan	74
BAB 5	ANALISIS KAJIAN	75
5.1	Pendahuluan	75
5.2	Senarai Peserta PPRT Dato Sagor yang Telah Menerima Hakmilik dan Menjual Lot Masing-Masing	75

5.3	Pelanggaran Pelanggaran Perjanjian oleh Peserta PPRT dengan Menjual lot-lot Tanah yang dianugerahkan	78
5.3.1	Masalah Sikap Manusia	79
5.3.2	Masalah Tadbir Urus	80
5.3.3	Masalah Ekonomi	81
5.3.4	Masalah Lokasi	81
5.4	Cadangan Penambahbaikan Pemberimilikan Tanah Bagi Penempatan Berkelompok	82
5.4.1	Perundangan	83
5.4.2	Pentadbiran	84
5.4.3	Ekonomi	85
5.4.4	Modal Insan	86
5.5	Rumusan	86
BAB 6	KESIMPULAN DAN CADANGAN	87
6.1	Pendahuluan	87
6.2	Penemuan Kajian	87
6.2.1	Penemuan Objektif Pertama	88
6.2.2	Penemuan Objektif Kedua	90
6.3	Cadangan Penambahbaikan bagi Projek-Projek Program Penempatan Secara Berkelompok	92
6.3.1	Perundangan	92
6.3.1.1	Menambahbaik Syarat-Syarat Kelulusan Pemberimilikan	92
6.3.1.2	Meletakkan Kaveat Pendaftar di hakmilik PPRT	93
6.3.2	Pentadbiran	93
6.3.2.1	Pentadbir Tanah Mengetatkan Syarat Kelulusan	93
6.3.2.2	Pentadbir Tanah Menyengaraihitam Permohonan Tanah yang Baru	93
6.3.3	Modal Insan	94
6.3.3.1	Kursus Motivasi	94
6.3.3.2	Peranan Pemimpin Tempatan	94

6.3.4	Ekonomi	94
6.3.4.1	Bantuan Keusahawanan	94
6.3.4.2	Latihan Kemahiran dan Kerjaya	95
6.3.5	Mencadangkan Kaedah Sewa Beli Perumahan dan Pertanian	95
6.3.6	Pembangunan Masa Hadapan Melibatkan Bangunan Berstrata	95
6.4	Limitasi Kajian	96
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	96
6.6	Penutup	97
	RUJUKAN	99

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
Jadual 2.1	Pendapatan Garis Kemiskinan ini telah digunakan sejak 2014	15
Jadual 2.2	Peruntukan PPK dan Projek Agropolitan bagi tahun 2016	20
Jadual 2.3	Senarai Projek PPMS Yang Melebihi 10 Tahun	24
Jadual 2.4	Senarai Projek Agropolitan	26
Jadual 2.5	Senarai Projek PPK	28
Jadual 3.1	Senarai Responden	53
Jadual 4.1	Keluasan Mukim Sungai Siput	59
Jadual 4.2	Bancian Penduduk di dalam Daerah Kecil Sungai Siput	60
Jadual 4.3	Senarai Bantuan yang telah Diberikan	70
Jadual 4.4	Senarai Peserta Kampung PPRT Dato' Sagor, Mukim Pulau Kamiri, Daerah Kuala Kangsar	71
Jadual 5.1	Senarai Nama peserta PPRT yang telah menerima Hakmilik	76
Jadual 5.2	Kategori Faktor Mempengaruhi Jualan Tanah	78
Jadual 5.3	Respon Temu Bual bagi Kategori Sikap Peserta PPRT	79
Jadual 5.4	Respon Temu Bual bagi Kategori Masalah Kekangan Peruntukan	80
Jadual 5.5	Respon Temu Bual bagi Kategori Masalah Ekonomi	81
Jadual 5.6	Respon Temu Bual bagi Kategori Masalah Logistik	81
Jadual 5.7	Analisis Jawapan Responden Terhadap Cadangan Pemberimilikan Tanah di dalam PPRT	82

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
Rajah 1.1	Borang 14A Pindahmilik oleh peserta-peserta PPRT Dato Sagor setelah pemberimilikan diperolehi	5
Rajah 2.1:	Data Asas Malaysia bagi tahun 2017	15
Rajah 2.2	Data Kemiskinan Malaysia 2016	17
Rajah 2.3	Evolusi Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)	37
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian	47
Rajah 4.1	Peta Daerah Kuala Kangsar	59
Rajah 4.2	Peta Kampung PPRT Dato Sagor	61
Rajah 4.3	Papan Tanda Ke PPRT Dato Sagor	62
Rajah 4.4	Pelan Susunatur Kampung PPRT Dato Sagor	64
Rajah 4.5	Rumah Milik Peserta Kampung PPRT Dato Sagor	65
Rajah 4.6	Rumah Milik Peserta Kampung PPRT Dato Sagor	65
Rajah 4.7	Rumah Milik Peserta Kampung PPRT Dato Sagor	66
Rajah 4.8	Kebun Getah Milik Peserta Kampung PPRT Dato Sagor	66
Rajah 4.9	Dewan Orang Ramai Kampung PPRT Dato Sagor	67
Rajah 4.10	Surau Kampung PPRT Dato Sagor	67
Rajah 6.1	Impak Pengeluaran Hakmilik kepada Peserta PPRT Dato Sagor	88
Rajah 6.2	Penemuan Pandangan Pihak Pentadbiran dan Pengurusan tentang Penjualan Hakmilik oleh Peserta PPRT Dato Sagor	90

SENARAI SINGKATAN

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
KPLB	-	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
MMK	-	Majlis Mesyuarat Kerajaan
PGK	-	Paras Garis Kemiskinan
PPMS	-	Program Pembangunan Masyarakat Setempat
PPRT	-	Program Penempatan Rakyat Termiskin
PPRT2	-	Program Perumahan Rakyat Termiskin
PPK	-	Pogram Pemajuan Kawasan
SPKR	-	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
PDT	-	Pejabat Daerah Dan Tanah
YDP	-	Yang Di Pertua

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik	104

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Isu kemiskinan merupakan satu permasalahan yang memberi mimpi ngeri kepada setiap pemimpin kerajaan sama ada di peringkat daerah, negeri mahupun negara. Kemiskinan boleh ditafsirkan berdasarkan tidak mempunyai keupayaan kewangan untuk membeli barangan keperluan asas, tahap pendidikan yang rendah, tidak memiliki aset, tubuh badan yang tidak sihat, makanan dan pakaian yang tidak mencukupi, tiada kediaman yang selesa diduduki dan ketiadaan peluang pekerjaan yang dapat menjamin kelangsungan hidup dengan lebih selesa.

Menurut Nor Ghani (1984), permasalahan kemiskinan ini jika tidak dikawal dan dibasmi mampu menggugat kestabilan ekonomi dan politik sesebuah negara. Ini kerana mati kelaparan, kekurangan makanan, penyakit dan kekurangan pendidikan dalam kalangan orang ramai boleh menyebabkan seseorang terjerumus ke lembah penjenayahan untuk menikmati hidup dalam kemewahan.

Cunguara, B., & Hanlon, J. (2010), menyatakan kemiskinan berterusan memberi impak yang besar ke atas anggota masyarakat yang tidak dapat memenuhi piawaian keperluan hidup. Kesan langsung kemiskinan menyebabkan anggota masyarakat mengalami kekurangan sumber, tidak berupaya mengurus hidup dan tidak mampu melunaskan hak diri untuk mengubah keadaan hidup sedia ada. Justeru, memberi definisi dan ciri-ciri yang tepat mengenai kemiskinan adalah sangat penting kerana ia dapat menentukan program pembasmian kemiskinan kepada kumpulan sasaran.

Jones, (1958) menyatakan disebabkan bilangan penduduk dan perubahan kepada keperluan yang sentiasa berlaku, menjadi satu kemestian bagi agensi terlibat

untuk mengetahui bagaimana keperluan tersebut boleh dipenuhi. Nor Aini dan Chamhuri, (2003) mendapati kemiskinan boleh dirujuk sebagai fenomena apabila seseorang hanya mampu mempunyai harta benda yang sedikit atau menerima pendapatan benar yang kecil dan tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan asas hidup. Keperluan asas yang dimaksudkan merangkumi makanan, minuman, perlindungan, pakaian, kesihatan dan pendidikan.

Manakala Rein, (1970), Townsend, (1979), Mohd Taib (1993), Shireen Mardziah, (1998) serta Rakodi dan Lloyd, (2002) mengatakan keperluan asas seperti di atas adalah pelbagai disebabkan perbezaan keadaan fizikal, cuaca, pekerjaan dan pemakanan bagi sesebuah masyarakat dan negara. Zainul Ariff, (2000) menyatakan kemiskinan adalah berkonsepkan pengeluaran. Kemiskinan disebabkan oleh perbezaan pendapatan berdasarkan faktor-faktor pengeluaran yang mempengaruhi antara satu sama lain. Hazizan, (2005) pula menyatakan kelompok tertentu menjadi miskin kerana kekurangan tenaga buruh, tanah dan modal. Anggapannya ialah jika tiga perkara ini dipenuhi, tidak ada golongan miskin. Oleh itu, sekiranya diberi pekerjaan, tanah atau modal ataupun kombinasi ketiga-tiganya, tidak terdapat golongan miskin kerana pendekatan ini memberi tindak balas terhadap strategi dan program yang akan dilaksanakan. Salah satu fokus di dalam menangani kemiskinan adalah melalui usaha-usaha kerajaan dengan menyediakan rumah yang boleh dihuni oleh masyarakat miskin. Kemiskinan juga berkaitan dengan penyediaan keperluan rumah yang sempurna. Kebiasaanya golongan miskin ini tidak mempunyai kediaman yang boleh didiami dengan sewajarnya.

Radzuan, (2007) menyatakan bahawa perumahan merupakan keperluan asas bagi kehidupan seseorang manusia dimana ianya berfungsi sebagai tempat yang memberi perlindungan dan keselamatan kepada penghuninya. Dari segi sejarah, keperluan manusia terhadap tempat tinggal telah berlaku sejak zaman batu lagi. Pada masa itu manusia menjadikan pokok-pokok besar dan gua-gua sebagai tempat berlindung. Seiring dengan perkembangan masa, tempat tinggal manusia kemudiannya berubah kepada kediaman secara tradisional di kampung-kampung dan seterusnya kediaman moden yang merupakan rumah-rumah batu termasuk taman-

taman perumahan. Rumah yang dibina pula meliputi pelbagai jenis, bentuk, saiz dan kos.

1.2 Pernyataan Masalah

Konsep penempatan secara berkelompok iaitu Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) melalui peruntukan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) merupakan salah satu usaha Kerajaan membantu golongan berkelayakan mendapat tempat kediaman yang selesa. Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membangunkan kawasan-kawasan penempatan kumpulan sasar samada secara in-situ atau penempatan baru dengan diberi bantuan dari segi kewangan dan peralatan sebagai usaha membantu meningkatkan pendapatan golongan ini keluar dari kepompong kemiskinan. Matlamat utama program adalah untuk membolehkan kumpulan sasar di kawasan-kawasan terpencil menikmati kemudahan-kemudahan asas pembangunan melalui penyediaan kemudahan, perumahan, infrastruktur, utiliti dan ameniti sosial dan menyertai arus perdana pembangunan. (Laporan Tahunan KKLW, 2016)

PPRT telah mengalami evolusi seiring dengan perubahan masa dengan dijenamakan kepada Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) dan kini dikenali sebagai Program Pemajuan Kawasan (PPK). Pada masa kini, konsep PPRT masih ada dan tetapi lebih tertumpu kepada pembinaan rumah secara lot-lot tanah milik individu dan lokasi dipilih adalah secara rawak kerana peranan pembangunan secara berkelompok diambil alih di bawah PPK. Peranan penyediaan perumahan secara skala berkelompok kini dilaksanakan di bawah Program Pemajuan Kawasan. Tujuan utama pelaksanaan PPRT adalah untuk meningkatkan kualiti hidup luar bandar dengan mewujudkan petempatan secara terancang dan bersepadu. Petempatan-petempatan ini tidak dikeluarkan hakmilik kepada para peserta dan masih kekal sebagai tanah kerajaan.


Persoalan kajian yang berbangkit merujuk kepada program penempatan rakyat termiskin di mana satu tinjauan awal berdasarkan laporan akhbar tentang tuntutan tanah tambahan oleh peserta melibatkan sebuah kawasan PPRT iaitu Kampung PPRT

Dato Sagor, Mukim Pulau Kamiri, Daerah Kuala Kangsar. Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput telah melaksanakan satu projek di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) untuk menempatkan 50 keluarga miskin di atas satu kawasan seluas lebih kurang 80 ekar dalam mukim Pulau Kamiri, Daerah Kecil Sungai Siput. Matlamat projek ini adalah bagi melaksana program-program sosio ekonomi tersusun supaya pendapatan dan taraf hidup keluarga para peserta dapat ditingkatkan. Antara program-program yang disusun adalah tanaman pertanian jangka pendek dan tanamn kekal, ternakan haiwan ruminan, dan lain-lain projek pembangunan ekonomi masyarakat. Sebanyak 100 hakmilik telah didaftarkan kepada para peserta PPRT berkenaan bagi sebuah tapak rumah dan 2 ekar tanah pertanian.

Namun melalui bancian yang dibuat ada peserta yang telah menjual tapak rumah dan tanah pertanian. 20 lot tanah pertanian dari 50 lot tanah pertanian yang diberimilik telah pun dijual kepada pihak ketiga. Manakala 10 lot tapak rumah dari 50 lot yang telah diberimilik juga telah dijual kepada pihak ketiga. Mereka ini juga secara automatik tidak lagi menjadi peserta Kampung PPRT Dato Sagor. Tindakan ini telah mengganggu usaha kerajaan di dalam menangani isu kemiskinan di daerah kecil Sungai Siput. Penjualan hakmilik ini juga mengakibatkan ketelusan pemilihan peserta dipersoalkan kerana para peserta PPRT ini bebas menjual tanah milik mereka dan seolah-olah mereka tidak memerlukan bantuan pembasmian kemiskinan daripada kerajaan negeri. Akibat tindakan sebilangan peserta Kampung PPRT Dato Sagor ini, Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput telah pun menghentikan proses pemberimilikan hakmilik tanah bagi projek PPRT di 3 buah kawasan PPRT yang lain bagi mengelakkan para peserta PPRT mengambil kesempatan mengaut keuntungan jangka pendek dengan turut menjual tapak rumah milik mereka kepada orang lain.

Walau bagaimanapun, di sebalik itu juga, kegagalan mengeluarkan hakmilik kepada peserta-peserta Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) akan menyebabkan kerugian hasil kepada kerajaan dari segi premium dan kutipan cukai tanah secara tahunan. Kegagalan untuk melaksanakan proses pemberimilikan juga akan menyebabkan hak asas pemilikan tanah tidak dapat dipenuhi seperti pewarisan kepada generasi kedua dan gadaian kepada bank bagi baik pulih atau menaiktaraf rumah-rumah berkenaan. Kajian akan dilakukan dengan mengkaji faktor-faktor

penjualan tanah sama ada tapak rumah atau tapak pertanian di PPRT Dato Sagor dari perspektif pihak pentadbiran dan mencadangkan mekanisme penyelesaian bagi mengekang penjualan lot-lot tanah di sini. Disamping itu kajian ini juga mencadangkan langkah-langkah bagi membolehkan membolehkan PPRT yang lain dikeluarkan hakmilik dengan mengadakan mekanisme kawalan dari segi prosedur penjualannya. Di daerah kecil Sungai Siput sendiri terdapat 3 buah PPRT dan 1 buah PPMS yang masih merupakan tanah kerajaan terdiri daripada 250 buah rumah. Ia menyebabkan kerugian hasil dari segi kutipan cukai tanah dan kurangnya tanggungjawab penyelenggaraan rumah oleh peserta-peserta berkenaan.



Rajah 1.1 Borang 14A Pindahmilik oleh peserta-peserta PPRT Dato Sagor setelah pemberimilikan diperolehi

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian adalah untuk memperkasakan pelaksanaan pemberimilikan tanah di kalangan peserta PPRT. Penjualan tanah di kalangan peserta PPRT bertentangan dengan hasrat kerajaan di dalam agenda membentaras kemiskinan di luar bandar. Disamping itu kajian ini juga mencadangkan langkah-langkah mekanisma prosedur kawalan penjualan tanah apabila tanah-tanah kerajaan yang menempatkan PPRT di kawasan yang lain diluluskan secara pemberimilikan tanah.

1.4 Objektif Kajian

Halatuju kajian ini dapat direalisasikan melalui penetapan objektif kajian. Bagi mencapai matlamat penulisan kajian ini maka dua objektif telah dibentuk iaitu:

- a) Mengkaji pelaksanaan dan kepentingan pengeluaran hakmilik program Skim Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT).
- b) Mengkaji faktor-faktor penjualan hakmilik tanah di kalangan para peserta Kampung PPRT Dato Sagor.

1.5 Skop Kajian

Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) merupakan inisiatif kerajaan bagi memajukan luar bandar dengan mebangunkan penempatan baru secara bersepadu dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti jalan raya, sistem peparitan, sistem bekalan air dan elektrik serta ameniti sosial seperti dewan, surau, balai raya dan sebagainya. Tujuan utama pelaksanaan PPRT adalah untuk meningkatkan kualiti hidup luar bandar dengan mewujudkan petempatan secara terancang dan bersepadu. Tidak semua petempatan-petempatan ini dikeluarkan hakmilik kepada para peserta dan masih kekal sebagai tanah kerajaan.

Namun PPRT Dato Sagor, Mukim Pulau Kamiri, Daerah Daerah Kecil Sungai Siput ini merupakan satu-satunya PPRT yang telah dikeluarkan sebanyak 100 hakmilik bagi tapak rumah dan lot tapak pertanian. PPRT Dato Sagor ini merupakan perintis bagi skim PPRT yang dikeluarkan hakmilik Namun didapati ada peserta-peserta PPRT di PPRT Dato Sagor ini telah menjual lot-lot rumah masing-masing menyebabkan pelaksanaan untuk program PPRT yang baru dibatalkan pengeluaran hakmilik dan dikekalkan sebagai tanah kerajaan. Sejalan dengan tujuan kajian ini, agensi pelaksana Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) Dato Sagor dipilih sebagai responden iaitu PDT Sungai Siput dan KPLB bagi mengenalpasti keberkesanan program ini dan skop kajian akan mengkaji faktor-faktor penjualan hakmilik bagi lot tapak rumah/pertanian dan mencadangkan mekanisma terbaik prosedur kawalan penjualan setelah pengeluaran hakmilik kepada peserta Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT).

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini secara amnya dapat memberikan manfaat kepada 3 (tiga) pihak iaitu khususnya pihak PDT, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Pihak Berkuasa Negeri seperti berikut:

1.6.1 PDT

Kajian ini juga dijalankan adalah berdasarkan isu dan masalah sebenar yang dihadapi oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sungai Siput selaku jabatan yang bertanggungjawab dalam isu pemberimilikan tanah PPRT yang telah diberikan di bawah Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) bagi golongan miskin. Adalah diharapkan dengan adanya cadangan-cadangan dalam kajian ini ianya dapat membantu dan memberi manfaat kepada PDT menguruskan isu-isu berkaitan prosedur pemberimilikan tanah kepada golongan sasaran agar menepati semangat pembasmian kemiskinan.

1.6.2 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Seterusnya, melalui kajian-kajian yang bakal dilaksanakan ini, ianya dapat difahami dan boleh digunakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sebagai panduan dalam menetapkan dasar atau prosedur standard dalam pelaksanaan program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di dalam isu program pembangunan, pemilihan peserta dan pemberimilikan tanah di dalam program-program yang dirancang. Ianya akan menjadi panduan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana hal ehwal tanah merupakan kuasa pihak berkuasa negeri. Terdapat perancangan KPLB supaya peserta-peserta yang menduduki projek-projek KPLB di atas tanah kerajaan negeri dikeluarkan hakmilik.

1.6.3 Pihak Berkuasa Negeri

Pihak Berkuasa Negeri sebagai pemegang taruh di dalam menjaga kepentingan semua golongan lapisan masyarakat. Kejayaan sesuatu program atau inisiatif akan memberi pelbagai impak kepada kerajaan negeri. Pihak Berkuasa Negeri juga bertanggungjawab di dalam penyelarasan program dan pemilihan peserta-peserta yang telah dikenalpasti layak untuk ditempatkan di bawah program-program KPLB. Isu pemberimilikan tanah di kawasan PPRT Dato Sagor boleh dijadikan panduan dan contoh bagi sebarang impak jika peserta-peserta PPRT di daerah lain turut juga memohon pemberimilikan tanah tapak rumah masing-masing. Tambahan pula pihak KPLB juga telah mencadangkan pemberimilikan tanah kepada peserta di bawah program / projek petempatan KPLB dikeluarkan hakmilik. Walau bagaimanapun, kuasa pemberimilikan tanah merupakan kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Kajian ini adalah diharapkan dapat membantu Pihak Berkuasa Negeri menyemak semula kaedah dan syarat-syarat pemberimilikan tanah semasa pelaksanaan pengeluaran hakmilik PPRT Dato Sagor supaya matlamat membantu golongan sasaran dan meningkatkan sosio-ekonomi mereka tidak terjejas.

1.7 Susunatur Bab

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab yang merangkumi bab pengenalan, kajian literatur berkaitan skim SPKR dan pemberimilikan tanah, metodologi kajian, kajian kes iaitu Kampung PPRT Dato Sagor, Mukim Pulau Kamiri, analisis kajian dan akhir sekali kesimpulan dan cadangan.

1.7.1 Bab Satu – Pengenalan

Bab 1 adalah pengenalan kepada kajian yang telah dijalankan dan di dalam bab ini pengkaji akan menerangkan secara terperinci di dalam skop kajian, Seterusnya, matlamat dan objektif telah ditetapkan bagi menetapkan halatuju kajian ini berdasarkan skop kajian yang ditetapkan. Hasil daripada dapatan kajian ini telah disintesis kepada kepentingan kajian ini dilaksanakan dan sumbangannya terhadap badan ilmu yang berkaitan. Akhir sekali, susunatur bab akan memberi penerangan diskriptif terhadap setiap bab di dalam keseluruhan kajian ini.

1.7.2 Bab Dua – Kajian Literatur

Bab 2 akan membincangkan mengenai kajian literatur dan pengenalan mengenai segala maklumat yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Maklumat-maklumat di dalam bab ini adalah diperolehi daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan kepentingan dengan kajian yang akan dijalankan. Rujukan tesis terdahulu untuk memperolehi maklumat berkaitan definisi kemiskinan, isu-isu kemiskinan, konsep Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS), Projek Agropolitan dan Program Pembangunan Kawasan (PPK). Di samping itu, bab ini juga akan menerangkan konsep pemberimilikan tanah dan dasar kerajaan negeri Perak bagi meluluskan pemberimilikan tanah kepada peserta PPRT.

1.7.3 Bab Tiga – Metodologi Kajian

Bab 3 akan menerangkan tentang kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif kajian ini. Kaedah yang diterangkan adalah merangkumi dapatan dan pengumpulan data serta kaedah analisis kajian. Peringkat pengumpulan data berkaitan program bantuan rumah untuk golongan miskin dijalankan melalui kaedah pengumpulan maklumat daripada data primer dan data sekunder. Ianya bertujuan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Data primer diperolehi melalui proses temu bual responden yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan program penempatan rakyat termiskin kepada golongan miskin dan miskin tegar. Responden-responden yang terlibat terdiri daripada agensi pemberi bantuan iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan agensi pelaksana iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Sungai Siput. Data sekunder diperolehi melalui rujukan yang diperolehi berbentuk tulisan seperti jurnal, buku, laporan, tesis dan internet.

1.7.4 Bab Empat – Kajian Kes

Bab 4 akan menerangkan tentang latar belakang kajian iaitu kajian tentang Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) Dato Sagor Mukim Pulau Kamiri Daerah Kecil Sungai Siput. Bab ini membincangkan pengenalan kawasan kajian, pengurusan pemilihan peserta-peserta dan perbincangan isu serta permasalahan yang timbul di kawasan kajian. Latar belakang kawasan kajian akan dimuatkan dalam bab ini. Ini bertujuan untuk memberi pengenalan kepada para pembaca supaya lebih mengenali kawasan kajian penulis sebelum mendalami bahagian analisis dan penemuan kajian.

1.7.5 Bab Lima

Dalam bab kelima iaitu analisis kajian, mengupas setiap permasalahan yang timbul, dimana setiap isu akan dianalisa dikaji dari segi prosedur pemberimilikan PPRT dan faktor jualan tanah oleh peserta PPRT ini. Setiap data yang diperolehi

daripada proses pemerhatian dan temubual akan dibentangkan dan dibincangkan secara terperinci. Ssegala maklumat dan data yang diterima akan disintesis menggunakan kaedah kualitatif. Koleksi data sekunder yang dikumpul merupakan dokumen dan laporan rasmi dari PDT Sungai Siput. Secara keseluruhannya, kaedah analisis kualitatif yang digunakan iaitu analisis dokumen dan analisis domain akan diaplikasikan bagi menganalisa pelbagai data dan informasi yang didapati dari bab sebelumnya.

1.7.6 Bab Enam

Akhir sekali, pada peringkat akhir kajian ini iaitu kesimpulan dan cadangan, pengkaji telah merumuskan dapatan dan penemuan-penemuan analisis yang menyumbang kepada pencapaian objektif dan matlamat kajian ini. Pengkaji telah mencadangkan mekanisma penyelesaian bagi mengekang penjualan lot-lot tanah di Kampung PPRT Dato Sagor daripada terus berleluasa. Di samping itu kajian ini juga mencadangkan langkah-langkah mekanisma prosedur kawalan penjualan lot-lot tanah apabila projek penempatan berkelompok seperti PPRT, PPMS, Projek Agropolitan dan PPK di tempat lain didaftarkan hakmilik kepada peserta PPRT, PPMS, Projek Agropolitan dan PPK di Negeri Perak kelak oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Perak

RUJUKAN

- Abd. Ghapa Harun, (1993) Undang-Undang Tanah Simpanan Melayu : Tinjauan Ke Atas Dasar British Dan Implikasinya Kepada Masyarakat Melayu Negeri Sembilan Hingga Perang Dunia Kedua.
- Abdullah Zakaria Ghazali, (1997). Pasir Salak, Pusat Gerakan Menentang Inggeris di Perak,
- Ahmad Ibrahim, (1989). *The Centenary of The Torrens System in Malaysia. Singapura: Malaysian law Journal Pte Ltd.*
- Ahmad Mahdzan Ayob (1991), Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrina Husin & Nor Malina (2012). "Pemilikan Rumah dalam Kalangan Masyarakat Bandar Berpendapatan Sederhana dan Rendah di Malaysia" in SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan, Vol.5, No.2 [November], pp.269-284. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, ISSN 1979-0112.
- Bank Pembangunan Asia (1999), *Annual Report 1999*
- Berita Harian (2015). "Penurunan paras kemiskinan kejayaan program ETP" Berita Harian, 19 Mei 2015. <http://www.bharian.com.my/node/55783>
- Bourne, L. S. (1981). *The geography of housing*. Halsted Press.
- Burnett, J. (1978) *Social History of Housing, London: Edward Arnold Publishers*
- Bruce F. Johnston and William Clark (1982). *Redisigning Rural Development A Strategic Perspective: The John Hopkins University Press Baltimore and London*
- Chua Yan Piaw (2014). Kaedah Penyelidikan, Edisi Ketiga: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cunguara, B., & Hanlon, J. (2010). *Poverty is not being reduced in Mozambique*.
- Dato' Dr. Zainul Ariff bin Haji Hussain. (2000). *Paper presented at IDS Workshop on Poverty Eradication In The Context Of Globalisation in May 23, 2000, Kota Kinabalu, Sabah.*
- Field, Gary S (1980), *Poverty, Inequality, and Development*, New York: Cambridge University Press

- Haironnazli Bin Esa (2000) Persepsi dan Jangkaan Pelanggan Terhadap Kualiti Perkhidmatan Lembaga Tabung Haji Negeri Johor: Universiti Teknologi Malaysia, Projek Sarjana
- Hasnah Ali (1991). Ekonomi Wilayah Teori dan Amalan: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hazizan Md Noon. (2005). Kesaksamaan Sosial, Pembasmian Kemiskinan dan Islam Hadhari. *ISM Minda*, 3(6). Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia.
- Hillebrand & Berg (2006). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*, California State University, Long Beach, Allyn & Bacon
- Ishomuddin (2016). Hubungan Islam dan Politik Kajian Polemik dalam Cendekiawan Islam. Universitas Muhammadiyah Malang
- H. W. (1958). *The rule of law and the welfare state*. *Columbia Law Review*, 58(2), 143-156.
- International Center for Economic Growth, ICEG, (1995) *Annual Report 1995*
- Jasni Sulong¹, Mohd Marbawi Taha² and Mohd Nasir bin Ayub³, (2014) Dasar Pemberian Hakmilik Tanah Di Malaysia: Analisis Menurut Perspektif Islam, *ESTEEM Academic Journal*, Vol. 10, No. 2,
- Joshua Kevin Sathiaseelan (2006). Prinsip-prinsip penting perundangan tanah di Malaysia. Singapura: LexisNexis.Jones,
- Judith Getzels and Charles Thurow (1987). *Rural and Small Town Planing*: American Planning Association Washington, D.C. Chicago, Illinois
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (2006). Garis Panduan Tatacara Kerja Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung Kerajaan Johor (2016). Suara Hati Johor: Unit Media dan Komunikasi dan Firdaus Press
- Kerajaan Malaysia (1996). Rancangan Malaysia Kelapan (1996-2000), Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Kerajaan Malaysia (2001). Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Kerajaan Malaysia (2006). Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Kerajaan Malaysia (2009). Garis Panduan Perancangan Dan Penyediaan Program Dan Projek Pembangunan. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2009.

- Kerajaan Malaysia (2012). Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012.
- Kerajaan Malaysia (2005). Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2005.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (2006). Garis Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) SPKRRMK9 (2006-2010)
- Klaus Deininger (2019), *A World Bank Policy Research Report*
- Malaysia (2001). Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965). International Law Book Services, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2001). Perlembagaan Malaysia. International Law Book Services, Kuala Lumpur.
- Mansor Bin Sulaiman dan lain-lain (xx). "Had Al-Kifayah Di Kalangan masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah Di Malaysia" Universiti Malaysia Pahang.
- Michael Weir, *Three Things You Ought To Know About Australian Legal System, International Conference Associations of law Schools Conference (IALS Conference)*, 17-19 Oktober 2007, Suzhou, China.
- Miskam, Nurasyikin and Shafii, Haryati (2013) Transformasi pembangunan luar bandar: kesan ke atas kesejahteraan hidup masyarakat. In: Persidangan Geografi & Alam Sekitar, 5-6 Mei 2013, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Mohd Fharuddin Bin Amran (1991) Perancangan dan Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Luar Bandar Kajian Kes; Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT): Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Institut Teknologi Mara
- Mohd. Taib Haji Dora (1993) Agihan Pembangunan Teori dan Pelaksanaan: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Taib Dora (1993). Peminggiran Sosial: Keluarga Melayu Termiskin Bandar, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mohideen Abdul Kader (1997). *Land alienation: the need for transparency and accountability*. Kertas kerja CAP National Conference. *Penang: Consumer Association of Penang*.

- Norinah Mohd Ali (2002). "Pekerja Asing dan Kemiskinan Di Malaysia" Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nor Aini Haji Idris & Chamhuri Siwar (2003). Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia. Penerbit UKM: Bangi.
- Nor Ghani, M.1984. Dimensi Kemiskinan dan Rancangan Pembasmian Kemiskinan. Siri Kumpulan Esei: Ekonomi Pembangunan. Amir Hussin Baharuddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norzita Jamil, Siti Hadijah Che Mat (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. Universiti Utara Malaysia
- Onibokun, A.G. (1974). *Evaluating Consumers Satisfaction With Housing: An Application of a System Approach, Journal o f the American Institute of Planners 40, No.3 (May): 189-200*
- Patton, M. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. Beverly Hills, CA: Sage
- Radzuan Bin Osman (2007) Persepsi Penerima Bantuan Terhadap Program Rumah Baiti Jannati Di Daerah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman: Universiti Teknologi Mara, Projek Sarjana Rohana Yusof (2003). Penyelidikan Sains Sosial, Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Rakodi, C (2002) 'A livelihoods approach: conceptual issues and definitions', in *Rakodi, C with Lloyd-Jones, T (eds) (2002) Urban Livelihoods: A People-centred Approach to Reducing Poverty, Earthscan, London*
- Rein, Martin (1970), *Social Policy Issues of Choice and Change*, Random House
- Ridzuan Awang, 1994. Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan dan Perbandingan. Edisi Pertama. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sar A. Levitan (1987). *Programs in Aid o f the Poor: The John Hopkins University Press Baltimore and London*
- Shireen Mardziah, (1998). *Income Inequality and Poverty in Malaysia, Rowman & Littlefield Publishers, Inc.*
- Townsend, P. (1979). *Poverty in the United Kingdom: a survey of household resources and standards of living. Univ of California Press.*
- Visu Sinnadurai, 1984. *The Sale and Purchase of Real Property in Malaysia. Edisi Ke-3. Singapura: Butterworth.*

William R. Lassey (1977). *Planning in Rural Environment: Mc Graw-Hill Publications in the Agricultural Sciences*

<http://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/285>

<http://www.kpwkm.gov.my/nkra/definisi>

http://www.jkm.gov.my/announcement_details.php?nid=283&lang=bm

<http://www.rurallink.gov.my/program-pemajuan-kawasan-ppk-tw>

<http://pembangunan162.blogspot.my/2011/06/projek-perumahan-rakyat-ppr.html>

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang (2012). <http://ptg.pahang.gov.my>.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (2012). <http://bpm.terengganu.gov.my>.

Pejabat Tanah Kemaman (2012). <http://ptkemaman.terengganu.gov.my>.

Sumber Lisan

Dato' Haji Mohd Zulkifly bin Haji Harun (2019), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Lintang

Khatiahazmim Binti Rusdi (2019), Pemolong Pengarah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Perak

Mohd Azhar Bin Alias (2019), Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Dan Tanah Sungai Siput

Mohd Nasrul Bin Saad (2019), Penolong Pegawai Tanah, Pejabat Daerah Dan Tanah Sungai Siput

Mohd Nazri Bin Abdullah (2019), Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan), Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Perak

Mohd Tarmizi Bin Zakaria (2019), Ketua Kampung Bekut dan PPRT Dato' Sagor, Daerah Kecil Sungai Siput

Mohd Zaki Bin Ahmad (2019), Penghulu Mukim Pulau Kamiri, Pejabat Daerah Dan Tanah Sungai Siput

Nor Akmar Binti Ibrahim (2019), Penolong Pegawai Daerah Sungai Siput, Pejabat Daerah Dan Tanah Sungai Siput